

9.6 hektar tanah berjaya dipadam

Beberapa tompok panas baharu dikesan di kawasan berhampiran

Oleh Mohamed Farid Noh, Mohd Fahmi Mohd Yusof dan Fazrik Kamarudin
cnews@bh.com.my

Iskandar Puteri: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor berjaya memadam kebakaran di kawasan seluas 9.6 hektar daripada keseluruhan 16 hektar hutan terjejas di Kampung Pekajang di sini, susulan cuaca panas dan kering, setakat semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor, Datuk Yahya Madis, berkata berdasarkan keadaan semasa, usaha memadam kebakaran dijangka mengambil masa empat hari, manakala tiupan angin yang kuat menyebabkan beberapa tompok panas baharu dikesan di kawasan berhampiran.

Bagaimanapun, katanya, tiada peluasan kawasan kebakaran kerana usaha kerja memadam dijalankan secara 24 jam menerusi penggiliran anggota.

"Seramai 79 anggota termasuk pegawai kanan daripada 10 balai di zon satu dan dua balai zon dua dengan lima lori tangki air berkapasiti 20,000 liter digunakan untuk mengangkut air dari pili bomba berdekatan.

"Bekalan air diperoleh dari pili

bomba di kawasan berhampiran kerana sumber sungai serta parit sedia ada tidak dapat menampung kapasiti untuk operasi memadam kebakaran," katanya ketika dihubungi, semalam.

Yahya berkata, hujan lebat di bandar raya Johor Bahru kira-kira 30 minit mulai jam 3 petang semalam, tidak membabitkan lokasi hutan terbakar.

Katanya, gerimis di kawasan kebakaran tidak memberi kesan dari segi usaha memadamkan api.

"Jika dilihat pada keadaan semasa, usaha memadam kebakaran dijangka mengambil masa empat hari, namun kalau teknik *total flooding* dapat disiapkan se-

gera, api mungkin boleh dipadam lebih awal," katanya.

Kaedah *total flooding* membabitkan penggalian parit di sekeliling lokasi kebakaran sebelum dipenuhi air; bertujuan mengekang kebakaran daripada merebak.

Sementara itu, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang juga Pemangku Raja,

turut berangkat melawat kawasan kebakaran, pagi semalam, bagi meninjau keadaan semasa.

Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Kampung Pekajang dilaporkan menghampiri tahap bahaya apabila bacaannya mencatatkan 81 semalam, berbanding 63 kelmarin.

Dalam perkembangan berkaitan, sesi persekolahan Sekolah Ke-

bangsaan (SK) Tanjung Adang dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Adang di Gelang Patah, ditangguhkan dua hari bermula semalam, berikutan lokasinya berhampiran hutan yang terbakar.

Timbalan Pengarah Pendidikan (Pengurusan Sekolah) Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Ab Rahim Lamin, berkata penutupan sekolah dilaksanakan atas nasihat Jawatankuasa Bencana Negeri Johor.

"Kita mahu memastikan keselamatan murid, guru dan kakitangan sekolah tidak terjejas.

"Walaupun tiada murid terjejas setakat ini, tinjauan kami di kedua-dua sekolah mendapati kuantiti asap boleh mendatangkan kesan tidak sihat.

"Atas nasihat pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pegawai Daerah Johor Bahru dan JBPM negeri, kita tutup sekolah selama dua hari," katanya.

Kebakaran hutan di Gelang Patah



Fakta angka

- » Kawasan kebakaran - 16 hektar
- » Keluasan sudah dipadamkan - 9.6 hektar
- » Kekuatan anggota - Lebih 200 dari pelbagai agensi
- » Balai bomba terbabit - 11
- » Aset lain - 5 lori tangki air berkapasiti 20,000 liter
- » Sekolah ditutup - 2

Bacaan IPU di Rompin, Batu Pahat tidak sihat

Kuala Lumpur: Dua daerah iaitu Rompin dan Batu Pahat berada pada skala bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat, berdasarkan data Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS), semalam.

Setakat jam 6 petang tadi, daerah Rompin di Pahang yang mula mencatat bacaan tidak sihat pada jam 2 pagi, merekodkan bacaan IPU 138 manakala Batu Pahat dengan bacaan 104.

Data keseluruhan menunjukkan dengan 17 kawasan berada dalam tahap baik, 41 kawasan da-

lam tahap sederhana dan dua kawasan berada dalam tahap tidak sihat.

Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) 0-50 menunjukkan kualiti udara sihat; 51-100 (sederhana), 101-200 (tidak sihat), 201-300 (sangat tidak sihat) dan melebihi 300, berbahaya.

Orang awam boleh merujuk laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat <http://api.ms.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar, MyIPU di 'Google Play' bagi mendapatkan bacaan IPU terkini pada setiap jam.



Anggota bomba memadam kebakaran hutan berhampiran Kampung Tanjung Adang dan Kampung Pekajang, Gelang Patah. (Foto Mohd Azren Jamaludin /BH)



Tunku Ismail melawat SMK Tanjung Adang yang terletak berhampiran kawasan kebakaran di Gelang Patah. (Foto Royal Press Johor)